

|             |                               |            |         |
|-------------|-------------------------------|------------|---------|
| Headline    | RM100 juta pasang lampu jalan |            |         |
| MediaTitle  | Kosmo                         |            |         |
| Date        | 10 Feb 2018                   | Language   | Malay   |
| Circulation | 197,202                       | Readership | 875,000 |
| Section     | Negara                        | Page No    | 1,4     |
| ArticleSize | 254 cm <sup>2</sup>           | Journalist | N/A     |
| PR Value    | RM 19,776                     |            |         |
|             |                               |            |         |



## Najib umum dana tambahan RM100 juta untuk projek lampu jalan kampung »4

2.5 juta penduduk bakal nikmati kemudahan, terang laluan di kampung

# RM100 juta pasang lampu jalan

**M**UAR – Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan peruntukan tambahan RM100 juta bagi membina lampu jalan kampung yang bakal memberi manfaat kepada 2.5 juta penduduk kampung di seluruh negara.

Perdana Menteri berkata, kerajaan meluluskan peruntukan RM50 juta manakala baki RM50 juta akan disumbangkan oleh Tenaga Nasional Bhd. (TNB) melibatkan pembinaan 50,000 unit lampu jalan kampung.

“Kerja-kerja pembinaan serta pemasangan lampu itu dijangka mengambil masa antara 10 hingga 14 minggu dan TNB telah beritahu akan segerakan pemasangannya.

“Apabila kampung itu diterangi cahaya lampu, saya percaya penduduk akan nikmati pelbagai faedah, kampung jadi lebih ceria



NAJIB bersalaman dengan orang ramai sebaik tiba pada majlis Pemimpin Bersama Rakyat dan penyerahan lampu Jalan Kampung Fasa 8 Negeri Johor di Padang Awam Bukit Mor, Muar semalam.

selain keselamatan ditingkatkan,” katanya selepas majlis Pemimpin Bersama Rakyat dan penyerahan program pemasangan lampu Jalan Kampung Negeri Johor di Bukit Mor di sini semalam.

Turut hadir isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Besar Johor, Datuk Seri Mohamed Khaled Nor-din; Menteri Kemajuan

Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Sementara itu, Ismail Sabri, ketika berucap pada majlis itu berkata, kementeriaannya telah membelanjakan RM247 juta untuk pembiayaan lebih 317,000 unit lampu jalan kampung di seluruh negara bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) sehingga RMK-11 pada tahun 2016.